

Jawab semua soalan

1 (a) Firman Allah SWT:

قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِكُمْ سُنَنٌ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ
الْمُكَذِّبِينَ ﴿١٣٧﴾ هَذَا بَيَانٌ لِلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٨﴾ وَلَا تَهِنُوا وَلَا تَحْزَنُوا
وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِن كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾

(Surah Ali Imran: 137-139)

Ayat di atas menerangkan konsep sunnatullah.

Berdasarkan ayat di atas;

- (i) Apakah maksud sunnatullah? [2 markah]
- (ii) Jelaskan sebab kemusnahan kaum berikut: [4 markah]
- a) Kaum Thamud (umat Nabi Soleh a.s)
 - b) Kaum Luth (umat Nabi Luth a.s)

Memahami sunnatullah membentuk jati diri dan semangat jihad yang tinggi dalam menghadapi cabaran kehidupan.

- (iii) Kemukakan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ يَقُولُ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ
عَنْ رَعِيَّتِهِ، الْإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي أَهْلِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ،
وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا وَمَسْئُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا، وَالْحَادِمُ رَاعٍ فِي مَالِ سَيِّدِهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ
رَعِيَّتِهِ، - قَالَ: وَحَسِبْتُ أَنْ قَدْ قَالَ: وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي مَالِ أَبِيهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ - وَكُلُّكُمْ رَاعٍ
وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ.

(رواية البخاري)

Hadis di atas menerangkan tanggungjawab setiap individu.
Berdasarkan hadis di atas;

- (i) Jelaskan **dua** tanggungjawab pekerja terhadap majikan. [2 markah]
- (ii) Terangkan pengajaran daripada hadis di atas. [2 markah]

**BEKAS PEGAWAI KEWANGAN DIDAKWA
PECAH AMANAH LEBIH RM180,000**

KUALA LUMPUR : Seorang bekas pegawai kewangan sebuah syarikat menjual bahan api kenderaan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas pertuduhan pecah amanah wang syarikat berjumlah RM182,884.02 tahun lalu.

Sumber : dipetik dan diubahsuai daripada Berita Harian, 22 Mei 2025.

- (iii) Berdasarkan keratan akhbar di atas, huraikan punca berlaku perkara tersebut. [4 markah]
 - (c) Nyatakan **dua** jenis *ibtida'* dalam ilmu tajwid. [2 markah]
- 2 (a) Nabi Muhammad SAW telah meninggalkan dua perkara sebagai pegangan umat Islam agar tidak sesat.
- (i) Nyatakan **dua** perkara tersebut. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** ciri ajaran sesat dari aspek akidah. [4 markah]



Sumber : Gambar A1.

- (iii) Ramalkan apakah yang akan berlaku kepada umat Islam jika perkara di atas dibiarkan tanpa sebarang tindakan? [4 markah]

- (b) (i) Nyatakan maksud Khawarij. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** prinsip utama Khawarij yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Waljamaah. [4 markah]

Seorang pelajar telah menerima mesej untuk menyertai ajaran wahyu dari langit daripada kumpulan yang mengamalkan ajaran bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Waljamaah.


- (iii) Sebagai seorang rakan bagaimanakah anda menangani situasi di atas? [4 markah]

- 3 (a) Solat sunat Duha merupakan salah satu solat sunat yang terdapat dalam syariat Islam.

- (i) Apakah pengertian solat sunat Duha? [2 markah]
- (ii) Nyatakan hukum menunaikan solat sunat Duha. [1 markah]
- (iii) Terangkan kaifiat menunaikan solat sunat Duha. [3 markah]

(b) Kerjasama antara suami dan isteri dalam melaksanakan tanggungjawab dapat membentuk keluarga bahagia.

(i) Jelaskan **dua** tanggungjawab bersama suami isteri dari aspek akhlak. [4 markah]



Bilangan kes perceraian dalam kalangan lelaki dan wanita Islam di Malaysia mengikut kumpulan umur berdasarkan data tahun 2022.

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia.

(ii) Analisis data di atas dengan mengemukakan pandangan anda. [4 markah]

(c) *Hudud*, *qisas* dan *takzir* merupakan hukuman dalam kesalahan jenayah Islam.

(i) Nyatakan **dua** jenis kesalahan di bawah hukuman *qisas*. [2 markah]

(ii) Terangkan **dua** hikmah hukuman jenayah dalam Islam. [4 markah]



- 4 (a) (i) Senaraikan **dua** fakta sejarah kerajaan Umaiyyah. [2 markah]
- (ii) Huraikan iktibar yang boleh diambil daripada pemerintahan kerajaan Umaiyyah. [2 markah]

- (iii)

Hubungan erat antara pemimpin dan rakyat mewujudkan suasana harmoni dalam masyarakat.

Apakah kemungkinan yang akan berlaku sekiranya pemimpin mengabaikan perkara di atas? [4 markah]

- (b) (i) Senaraikan **dua** pusat pemerintahan Kerajaan Uthmaniyyah. [2 markah]
- (ii) Terangkan faktor kegemilangan kerajaan Uthmaniyyah dari aspek ketenteraan. [2 markah]

- (c) (i) Nyatakan riwayat hidup **satu** daripada tokoh berikut: [2 markah]
- (a) Imam Syafii
(b) Ahmad bin Ibrahim
- (ii) Jelaskan **dua** sumbangan tokoh tersebut terhadap agama Islam. [2 markah]

Imam Syafii dan Ahmad bin Ibrahim merupakan tokoh Islam yang terkenal dengan kesungguhan menuntut ilmu.

- (iii) Bagaimanakah anda dapat mencontohi tokoh tersebut dalam kehidupan seharian? [4 markah]

5 (a) *Khauf* dan *raja'* adalah dua sifat yang menjadikan seseorang sebagai muslim sejati.

- (i) Nyatakan maksud *khauf*. [2 markah]
- (ii) Jelaskan contoh *khauf* dan *raja'* yang diamalkan oleh Rasulullah SAW. [2 markah]
- (iii) Terangkan hikmah *khauf* dan *raja'*. [2 markah]

Iman yang sempurna terletak antara dua perasaan: takut dan harap.

- (iv) Sokong pernyataan di atas dengan mengemukakan hujah anda. [4 markah]

- (b) (i) Nyatakan maksud alam sekitar. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** aktiviti amalan hijau yang boleh dilaksanakan untuk menjaga dan mengekalkan kelestarian alam sekitar. [2 markah]



- (iii) Mengapakah situasi di atas berlaku? [2 markah]
- (iv) Kemukakan pendapat anda sekiranya isu di atas tidak dibendung. [4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT